

# Orang Asli Johor bantah status Tanah Kesultanan

200 penduduk serah memorandum tolak cadangan kerajaan negeri ubah klasifikasi tanah rizab

Oleh Mohamed Farid Noh  
farid\_noh@bh.com.my

**Iskandar Puteri:** Kira-kira 200 penduduk Orang Asli berarak secara aman membantah cadangan kerajaan negeri mengklasifikasi semula semua penempatan dan tanah rizab Orang Asli di Johor sebagai Tanah Kesultanan.

Pengerusi Jaringan Perkampungan Orang Asli Johor (JPOAJ), Dolah Tekoi, berkata sebanyak empat bas yang membawa wakil penduduk Orang Asli dari sekitar Mersing, Segamat, Kluang, Johor Bahru dan Kota Tinggi.

Beliau berkata, himpunan dan perarakan aman itu bagi menyerahkan memorandum bantahan mereka berhubung cadangan itu kepada Menteri Besar, Datuk Onn Hafiz Ghazi.

Langkah itu diambil masyarakat Orang Asli selepas mereka sebulat suara memutuskan untuk membantah dan tidak bersetuju dengan cadangan kerajaan Johor mengklasifikasikan semula semua tanah rizab Orang Asli di negeri ini kepada Enakmen Tanah Kesultanan seperti dicadangkan oleh Sultan Johor, Sultan Ibrahim Iskandar.



Penduduk Orang Asli menyerahkan memorandum bantahan kepada Menteri Besar di Bangunan Dato Jaafar Muhammad di Kota Iskandar, Iskandar Puteri, semalam.

(Foto Nur Aisyah Mazalan/BH)

## Tiga teras utama

Beliau berkata, isi kandungan memorandum bantahan ini mempunyai tiga teras utama iaitu bantahan terhadap pertukaran status rizab Orang Asli Johor sebagai Tanah Kesultanan, cadangan Orang Asli terhadap isu ini dan kertas konsep pengurusan wilayah tanah adat Orang Asli supaya kerajaan negeri memahami apakah maksud tanah adat.

"Ia turut mengandungi tanda tangan seluruh masyarakat Orang Asli Johor membabitkan 40 perkampungan Orang Asli di negeri ini.

"Orang Asli membantah cadangan pertukaran status rizab Orang Asli sebagai Tanah Kesultanan kerajaan perizaban tanah sedia ada telah mengikut aturan Perlembagaan Persekutuan, yang dibuat berdasarkan Seksyen 6 dan Sek-

syen 7 Akta 134 Akta Orang Asli 1954 dan Seksyen 62 Kanun Tanah Negara 1965. Hal ini dikuat kuasa bukan setakat di Johor namun untuk semua Rizab Orang Asli seluruh negara, maka tiada sebab untuk ia ditukar ganti kepada Tanah Kesultanan.

"Kami amat bimbang jika hal ini berlaku kerana mengikut Seksyen 2 Enakmen Tanah Kesultanan menyebut setiap tanah yang diklasifikasi sebagai Tanah Kesultanan adalah bukan harta negeri yang bermaksud bukan tanah kerajaan lagi tetapi menjadi Tanah Diraja dan milik persendirian.

"Jika cadangan Tanah Kesultanan dikuatkuasakan, Orang Asli akan menjadi hanya penumpang di tanah orang lain. Seperti mana kita ketahui menerusi Seksyen 2 Tanah Kesultanan apabila diklasifikasi sebagai tanah Sultan,

maka ia menjadi milik Sultan dan Diraja, bukannya milik kerajaan negeri. Jika menjadi milik persendirian, maka pada bila-bila masa tanah itu boleh diambil dan kami boleh dihalau pada bila-bila masa," katanya.

Beliau berkata demikian selepas menyerahkan memorandum bantahan itu kepada Setiausaha Sulit Menteri Besar, Mohamad Iskandar Omar, di Bangunan Dato Jaafar Muhammad yang menempatkan Kompleks Menteri Besar dan Setiausaha Kerajaan Negeri Johor, di sini, semalam.

Pada 16 Mac lalu, Sultan Ibrahim dilaporkan menyarankan kerajaan Johor mengklasifikasi semula semua penempatan dan rizab Orang Asli di negeri ini sebagai 'Tanah Kesultanan' atas alasan bagi mengelak ia disalahguna-